

21/10/2002

Usah cepat jatuhkan hukuman tanpa usul periksa

Raja Ahmad Zainuddin

PERISTIWA di Bali diharap tidak akan menjejaskan atau membimbangkan pasukan-pasukan yang mengambil bahagian di kejohanan bola sepak futsal peringkat Asia di Jakarta mulai esok.

Pengeboman di pulau terkenal sebagai destinasi pelancongan itu meragut banyak nyawa ketika masyarakat dunia masih dibayangi Serangan 11 September.

Malaysia turut menyertai kejohanan tahunan itu yang akan dirasmikan oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah selaku naib presiden Persekutuan Bola Sepak Asia (AFC).

Jika pertandingan Piala Dunia di Korea Selatan dan Jepun dijadikan ukuran, amat jelas tiada keresahan dan tekanan mental ke atas pemain dan pegawai dan begitu juga ketika Sukan Asia Busan, apabila penganjur dan atlet turut mengalu-alukan kehadiran kontinjen dari Afghanistan.

Mungkin ramai yang tidak menyedari ketika kehangatan Piala Dunia lalu, negara berperang seperti Israel dan Palestin boleh meletakkan senjata, semata-mata kerana menonton bola sepak seperti dilaporkan apabila membabitkan perlawanan pasukan England.

Untuk kejohanan futsal selama 10 hari di Stadium Tertutup Senayan, Jakarta, diharap langkah keselamatan sama ketat seperti pertandingan Piala Dunia lalu dilaksanakan agar pertandingan itu berlangsung dalam suasana selamat dan lancar.

Bagi kita, futsal adalah permainan bola sepak yang agak baru selepas pertama kali menyertai kejohanan dunia di Sepanyol pada 1996. Selepas itu, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mula memperkembangkan sukan ini sejak tahun lalu.

Pada kejohanan kebangsaan baru-baru ini, penyertaan dan sambutan amatlah menggalakkan kerana turut disertai pasukan negeri. Majlis Sukan dan Kebajikan Anggota Kerajaan (MKSAK) muncul juara dan Pahang naib juara.

Mulai tahun depan pertandingan ini akan menawarkan hadiah wang tunai dan terhad kepada pemain bukan daripada liga tempatan.

Usaha juga sedang dibuat bagi menarik lebih ramai penonton di samping menjadikannya sebagai satu lagi usaha ke arah membangunkan industri sukan tanahair. Oleh kerana permainan ini berlangsung dalam dewan, soal tempat dan kemudahan tidak begitu bermasalah dan mampu dianjurkan setiap negeri.

Permainan yang membabitkan lima pemain sebelah ini memerlukan kecergasan dan kemahiran tinggi selain ia juga mengasyikkan. Cuma ia memerlukan masa untuk popular. Pelajar sekolah adalah kumpulan sasaran dan ewan sekolah boleh digunakan. Bagi sekolah rendah yang tidak memiliki padang, permainan ini amatlah sesuai. Ia juga boleh diadakan sewaktu aktiviti senaman.

Diharap penyertaan pasukan negara yang dibimbing oleh Bahwandi Hiralal dan diketuai oleh Soh Chin Aun akan mampu bersaing di kejohanan yang turut disertai penyandang juara Iran, naib juara Uzbekistan, Korea Selatan, Jepun dan tuan rumah Indonesia.

Mengenai pencapaian kita di Sukan Asia Busan, saya rasa masih belum terlambat untuk mengucapkan tahniah kepada kontinjen negara yang diketuai oleh Datuk Khalid Yunus kerana pulang dengan enam pingat emas. Ini mengatasi pencapaian kita di Bangkok empat tahun yang lalu.

Secara luarannya, kita sepatutnya berbangga kerana pungutan emas itu adalah yang kedua terbaik pernah dihasilkan oleh kontinjen negara dalam Sukan Asia. Syabas kepada Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun

Hussein, terutama dalam kesibukan beliau, sempat menjenguk atlit kita. Inilah yang dikatakan pemimpin turun padang, setidaknya-tidaknya untuk memberi motivasi dan perangsang.

Namun yang menariknya, kita turut dihidang dengan pelbagai pendapat dan telahan betapa pencapaian itu sebenarnya kurang membanggakan, walaupun hoki akhirnya berjaya pulang dengan 'buah tangan' iaitu pingat gangsa selepas kemarau 12 tahun walaupun bergelut dengan pelbagai masalah dalaman.

Pada waktu yang sama, saya hairan kenapa kita tergesa-gesa menjatuhkan hukuman kepada sepak takraw gara-gara isu dadah dan tiga pemain kebangsaan dihantar pulang?

Tidak ada siapa yang boleh menafikan rasa kecewa, tetapi janganlah sampai di luar batas kawalan emosi. Tidak ada maknanya jika tujahan dan tudingan jari terus-terusan dilemparkan terhadap persatuan sukan yang dianggap menyumbang kepada tafsiran kegagalan, sedangkan kita jugalah sebelumnya berkongsi gembira apabila Malaysia melakar pencapaian terbaik mengungguli Sukan Sea 2001 selain kejayaan memberangsangkan di Sukan Komanwel Manchester.

Perbincangan hangat isu sukan negara turut menarik perhatian ahli-ahli Parlimen yang sedang bersidang. Kebetulan Sukan Asia berlangsung ketika itu, mungkin ada di kalangan mereka yang mendapat gambaran tidak tepat atau terperinci atau terlalu emosional pada ketika perbahasan. Begitupun ada juga yang kaya dengan idea dan pendapat bernas. Malah ada yang melemparkan teguran juga pada waktu sama adalah pemegang jawatan dalam badan-badan sukan tertentu.

Contoh di kalangan ahli Dewan Rakyat yang memegang jawatan dalam badan sukan ialah Datuk Mohamed Aziz bagi sepak takraw dan badminton Melayu Johor, Datuk Mokhtar Radin (bola sepak Sandakan, Sabah), Datuk Mohd Ali Hassan (Persatuan Bola Sepak Johor), dan Datuk Mohd Zain Omar (Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang) dan Datuk Loke Yuen Yow, bekas Timbalan Menteri selaku presiden bola keranjang.

Manakala yang berada dalam kerajaan pula ialah Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy (Persatuan Ping Pong Kebangsaan), Donald Lim, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Persatuan Bola Tampar Malaysia) dan Datuk Anifah Aman (Persatuan Bola Sepak Sabah) yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Bukankah kita sepatutnya mengutamakan aspek kestabilan dan kesinambungan, dan tidak mengambil langkah terburu-buru yang didorong emosi dan perasaan?

Corak kepimpinan negara Malaysia sendiri mengutamakan kestabilan dan kesinambungan. Malah sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah menegaskan bahawa meletak jawatan selepas sesuatu kegagalan bukan budaya kita.

Kita diajar dan diasuh untuk bertanggungjawab. Kita dididik untuk tidak lari daripada tugas, sebaliknya belajar memperhalusi kegagalan supaya kita berupaya bangkit dan akhirnya mampu menempatkan diri di kalangan negara maju.

Lagipun, apa jaminan jika semua pemimpin persatuan sukan didesak berundur? Apakah kita yakin kejayaan akan menjelma dalam sekelip mata?

Apa pun perancangan masa depan dan dalam peringkat mana sekalipun pelaksanaannya, sokongan dan kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk sama-sama menjelmakan visi Perdana Menteri untuk melihat atlit kita melangkah lebih jauh ke hadapan.

Oleh itu ayuh kita teruskan visi ini dalam menghadapi Sukan Sea di Vietnam tahun depan sambil membuktikan bahawa kita bukan jagoan kampung.